

17/05/2001

Putera Andrew tiba di Sabah

KOTA KINABALU, Rabu - Putera Ratu Elizabeth, Putera Andrew, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini kira-kira jam 3.15 petang ini, untuk lawatan pertamanya ke Malaysia.

Beliau yang tiba dengan jet peribadi, diiringi lima pegawai istana disambut oleh Pembantu Menteri Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi, Datuk Karim Bujang dan Pengerusi Perbadanan Promosi Pelancongan Sabah, Tengku Datuk Zainal Adlin, untuk lawatan dua hari ke Sabah dan Labuan.

Putera Andrew kemudian membuat kunjungan hormat ke atas Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai, sebelum menghadiri jamuan makan malam di atas kapal Tentera Laut British 'HMS Gloucester' yang berlabuh di Pelabuhan Kota Kinabalu, malam ini.

Putera Andrew akan berangkat ke Labuan kira-kira jam 10 pagi esok, dan melawat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dan Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua yang menempatkan kira-kira 3,908 kubur tentera British dan Australia yang terkorban dalam perang berkenaan.

Beliau kemudian akan berlepas untuk lawatan ke Manila, Filipina, sebelum kembali ke Kuala Lumpur pada hari Sabtu untuk lawatan selama empat hari ke Malaysia.

Di Kuala Lumpur, Putera Andrew akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan melawat Muzium Seni Islam serta melancarkan UK Alumni Network.

(END)